



# BINA PURI HOLDINGS BHD

## PRESS RELEASE

---

Utusan Malaysia 24 Disember 2009


### Pemangkin Kuala Selangor

Oleh ROSLAH OTHMAN  
kota@utusan.com.my

SUNGAI BULOH 23 Dis. – Pada waktu ini, pembangunan di daerah Kuala Selangor dilihat agak perlahan walaupun daerah itu bersempadan dengan daerah Petaling, Klang dan Gombak yang pesat membangun.

Kawasan seperti Asam Jawa, Bandar Puteri, Ijok, Kuang dan Kundang masih tidak menjadi pilihan orang ramai terutama untuk pelabur sama ada untuk membeli hartanah atau industri.

Semuanya kerana hubungan jalan raya yang tidak mantap. Dari Kuala Lumpur, kawasan-kawasan itu dihubungkan dengan jalan Persekutuan dan negeri.



**MOHAMAD RAZALI**

Namun, semua itu dijangka berubah apabila Projek Lebuh Raya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (KLKSE) bakal disiapkan pada April 2011.

Lebuh raya itu bukan sahaja menyediakan laluan alternatif yang menghubungkan secara terus bahagian utara Rawang dengan Kuala Selangor dan Klang tanpa melalui Kuala Lumpur tetapi juga bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi di sepanjang koridor lebuh raya tersebut.

Dikenali sebagai Lebuh raya Asam Jawa-Templer (LATAR) sebelum ini, KLKSE yang bermula dari Asam Jawa dan berakhir di Taman Rimba Templer di Rawang bakal menjimatkan banyak masa perjalanan.

Memandu dari Rawang ke Kuala Selangor hanya memerlukan setengah jam sahaja berbanding satu setengah jam sebelum ini menggunakan lebuh raya sepanjang 33 kilometer itu.

Pengerusi KLKSE Berhad, Datuk Ir. Mohamad Razali Othman berkata, pembinaan lebuh raya bertol itu kini sudah mencapai kira-kira 40 peratus meliputi kerja-kerja tanah, jambatan serta jajarannya.

“Projek yang melibatkan kos lebih kurang RM1 billion ini telah pun dimulakan sejak Oktober tahun lalu dan akan mengambil masa kira-kira 16 bulan lagi untuk disiapkan,” ujarnya ketika ditemui di pejabatnya di Bukit Rahman Putra di sini.

Katanya, selain mempunyai 23 jambatan dan 19 vehicular box culvert (VBC) di sepanjang laluan, lebuh raya itu juga akan mempunyai dua lorong di kedua-dua arah bagi melancarkan perjalanan.

Ia juga bersambung dengan rangkaian jalan raya utama di sepanjang laluan seperti Jalan Kuala Selangor melalui empat persimpangan bertingkat, sekali gus berfungsi sebagai sistem penyuraian trafik setempat.

Beliau berkata, empat persimpangan bertingkat berkenaan akan memudahkan orang ramai untuk ke Kuala Selangor, Klang, Ijok dan Batang Berjuntai.

Ia juga bersambung dengan Lebuh raya Koridor Guthrie (GCE) dan Lebuh raya Utara Selatan, Kuang dan Rawang serta Lebuh raya Pantai Barat (LPB) pada masa depan.

Katanya, tiga lokasi plaza tol yang dibuka iaitu di Asam Jawa, Kundang dan Taman Templer menggunakan sistem tol terbuka. “Keperluan KLKSE turut menjurus kepada menyediakan jalan alternatif dengan kelajuan dan kapasiti lebih tinggi bagi mengurangkan kesesakan di sepanjang jalan Kuala Selangor (FT54) dan untuk menampung isipadu trafik pada masa hadapan yang meningkat.

“Tidak terkecuali, ia pastinya akan memberi faedah kepada pembangunan perindustrian di kawasan berhampiran seperti Rawang, Kundang, Batu 22 Ijok dan Taman Industri Alam Jaya,” ujarnya. Tambah Mohamad Razali, pembinaan KLKSE juga sebahagian perancangan kerajaan bagi pembinaan Jalan Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) bagi menyuraikan kesesakan lalu lintas sepanjang Lebuh raya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebuh raya Lingkaran Tengah II (MRR II) terutama trafik dari Lebuh raya Utara Selatan tanpa melalui pusat bandar raya Kuala Lumpur.

Dilaksanakan secara Build-Operate-Transfer (BOT), pihak KLKSE akan membiaya keperluan kewangan bagi reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan selama 40 tahun tempoh konsesi.

“Apabila siap kelak, ia pasti memberi manfaat kepada penduduk setempat dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan seperti pekerja tol, penyelenggaraan lebuh raya dan sebagainya.

“Malah pembinaan KLKSE ini juga bakal memudahkan akses, seterusnya meningkatkan nilai hartanah di sepanjang laluan,” ujarnya.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor

Corp Communications Dept

**BINA PURI HOLDINGS BHD**

Tel : 03-6136 3333 (3005)

Fax : 03-6136 9999

E-mail : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)